



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN  
KOD KURSUS : DPP 2093  
PEPERIKSAAN : APRIL 2018  
MASA : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam kertas jawapan objektif dan **BAHAGIAN B** dan **C** di dalam buku jawapan yang diberikan.
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A (20 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Penerimaan undang-undang Inggeris di Malaysia berkuat kuasa dengan adanya Seksyen 3 dan Seksyen 5
  - A. Akta Undang-undang Sivil, 1956
  - B. Ordinan undang-undang 1951
  - C. Ordinan undang-undang Sivil 1956
  - D. Perlembagaan Persekutuan
2. Mahkamah rayuan terakhir di Malaysia ialah
  - A. Mahkamah Tinggi
  - B. Mahkamah Rayuan
  - C. Mahkamah Tinggi Syariah
  - D. Mahkamah Persekutuan
3. Tawaran boleh berlaku di dalam keadaan berikut KECUALI
  - A. Ali menyatakan kepada Babu untuk menjualkan keretanya
  - B. Nabil menghantar sebuah emel kepada Danny untuk membeli rumahnya
  - C. Peragaan barang
  - D. Pembidaan di tempat lelongan
4. Manakah antara berikut merupakan kes yang menunjukkan iklan adalah tawaran?
  - A. *Carlil v Carbolic Smoke Ball Co.*
  - B. *Harris v Nickerson*
  - C. *Pharmaceutical Society of Great Britain v Boots*
  - D. *Coelho v Public Services Commission*

5. Di dalam kes *Hyde v Wrench*, prinsip perundangan yang diputuskan adalah
  - A. Tawaran balas
  - B. Pelawaan tawaran
  - C. Komunikasi tawaran
  - D. Komunikasi penerimaan
6. Berikut adalah perjanjian tanpa balasan KECUALI
  - A. Perjanjian dasar kasih sayang
  - B. Perjanjian untuk memampas
  - C. Perjanjian hutang yang dibatasi statut
  - D. Perjanjian pekerjaan
7. Secara amnya, kesan kontrak yang dimasuki oleh kanak-kanak adalah
  - A. Boleh batal
  - B. Batal
  - C. Sah
  - D. Akan batal
8. Berikut merupakan perjanjian yang dibuat oleh pihak-pihak berkontrak tetapi tidak diniatkan untuk mengikat dan dikuatkuasakan KECUALI
  - A. Perjanjian di antara suami isteri
  - B. Perjanjian di antara ibu dan anak
  - C. Perjanjian perniagaan
  - D. Perjanjian di antara abang dan adik
9. Tanpa kebenaran, Linda telah membeli barang untuk Ramli, majikannya. Ramli kemudiannya telah menjualkan barang tersebut kepada Bob. Ini menunjukkan hubungan agensi wujud di antara Linda dan Ramli secara
  - A. Estopol
  - B. Kecemasan
  - C. Ratifikasi
  - D. Perlantikan nyata

10. Akta yang digunakan di dalam undang-undang agensi adalah

- A. Akta Kontrak 1950
- B. Akta Agensi 1950
- C. Akta Pekerjaan 1950
- D. Akta Bil Pertukaran 1950

11. Agensi boleh wujud dalam keadaan berikut KECUALI

- A. Perlantikan nyata
- B. Perlantikan probation
- C. Pengesahan atau ratifikasi
- D. Estopel

12. Manakah antara berikut merupakan pengecualian kepada peraturan Nemo Dat?

- A. Jualan oleh sampel
- B. Jualan oleh pemilik baru
- C. Jualan oleh agen perdagangan
- D. Jualan oleh orang tengah

13. Prinsip perundangan di dalam kes *Lim Chui v Zeno Ltd* menerangkan tentang

- A. Caveat emptor
- B. Nemo dat quad non habet
- C. Hak lien
- D. Lucid interval

14. Yang mana satukah merupakan waranti di dalam Akta Jualan Barang 1957?

- A. Barang yang dijual mesti menepati deskripsi.
- B. Barang yang dijual mesti memenuhi maksud ianya dibeli.
- C. Barang yang dijual mesti berkualiti boleh dagang.
- D. Barang yang dijual mesti bebas dari gadaian atau bebanan.

15. Menurut seksyen 2(1) Akta Sewa Beli 1967, perjanjian sewa beli bermaksud
- Sewa beli barang
  - Perjanjian untuk membeli barang secara kredit
  - Perjanjian ansuran
  - Penyewaan barang dengan opsyen untuk membeli dan perjanjian untuk pembelian barang-barang secara ansuran
16. Di dalam perjanjian sewa beli, penyewa berhak kepada hak-hak berikut KECUALI
- Hak untuk menjual barang sewabeli kepada pembeli lain tanpa kebenaran pemilik asal
  - Hak untuk mendapatkan maklumat
  - Hak untuk mengagihkan bayaran
  - Hak mengubah tempat simpanan
17. Yang manakah di antara berikut merupakan ciri-ciri bil tukaran?
- Arahan pembayaran yang dibuat secara bertulis.
  - Arahan pembayaran yang menyatakan syarat-syarat pembayaran.
  - Dikeluarkan dan ditandatangan oleh penerima bil.
  - Mengarahkan pengeluar bil untuk membayar menurut nilai muka bil.
18. Apabila pelanggan menulis cek di atas nama banknya, bank tersebut dikenali sebagai
- Bank pembayar
  - Bank pemungut
  - Bank niaga
  - Bank penyuruh bayar
19. Sonja yang berusia 12 tahun telah membeli insuran nyawa daripada syarikat Insuran Selamat. Apakah kesan kontrak tersebut?
- Sah
  - Batal
  - Bolehbatal
  - Tidak boleh dikuatkuasakan

20. Apakah yang dimaksudkan dengan uberrimae fidei?

- A. Risiko yang diinsuranskan.
- B. Tuntutan pampasan yang dibuat.
- C. Dokumen rasmi yang menetapkan syarat-syarat kontrak insurans.
- D. Kewajipan mendedahkan maklumat dan fakta material

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B (60 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **enam (6)** soalan. Pelajar dikehendaki untuk menjawab **tiga (3)** soalan sahaja.

Jawab soalan berikut di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berdasarkan sistem perundangan di Malaysia, bincangkan doktrin duluan kehakiman mengikat.  
(10 markah)
- b) Undang-undang Inggeris dan Ekuiti merupakan salah satu sumber undang-undang di Malaysia. Bincangkan sejauh manakah penggunaan undang-undang Inggeris di gunapakai di Malaysia.  
(10 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berdasarkan undang-undang agensi, jelaskan penamatkan agensi melalui kuatkuasa undang-undang.  
(10 markah)
- b) Terangkan maxim undang-undang '*delegatus non potest delegare*' dan juga pengecualianya.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

- a) Terangkan maxim *Nemo Dat Quod Non Habet* danuraikan **DUA (2)** pengecualianya.  
(10markah)
- b) Hakim telah membeli sebuah generator terpakai daripada Saipudin dengan harga RM8000. Hakim tidak mengetahui bahawa generator tersebut kepunyaan Saipudin bersama Sipoden. Sebelum jualan dilakukan, Sipoden telah memberi keizinan kepada Saipudin untuk menyimpan generator tersebut. Namun, setelah Hakim membuat pembayaran, Saipudin tidak dapat menyerahkan generator tersebut disebabkan beliau telah dihalang oleh Sipoden. Nasihatkan Hakim berkenaan haknya terhadap Saipudin.  
(10markah)

**SOALAN 4**

Adiah hendak membeli sebuah kereta melalui perjanjian sewabeli daripada Maukaya Finance. Jelaskan kepada Adiah berkenaan langkah-langkah yang perlu di ambil oleh pihak-pihak sebelum, semasa dan selepas pembentukkan kontrak sewabeli.

(20 markah)

**SOALAN 5**

- a) Apakah ciri-ciri sebuah cek.

(10 markah)

- b) Tora baru sahaja membuka akaun semasa dengan Bank Ting Tong. Beliau ingin mengetahui tentang jenis-jenis palangan cek. Nasihatkan Tora.

(10 markah)

**SOALAN 6**

"Dalam menentukan samada suatu kontrak insurans itu sah dan boleh dikuatkuasakan, perlu dilihat samada pengambil insurans mempunyai kepentingan boleh insurans atau tidak terhadap subjek yang hendak dilindunginya". Bincangkan kenyataan ini.

(20 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C(20 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pada 1 Mei 2017, Cik Ree Yak seorang Akauntan di firma Kudukut dan rakan-rakan telah mengiklankan servis audit pada harga RM2000 untuk tempoh terhad, iaitu pada 4 Mei 2017 sehingga 11 Mei 2017.

Cik Ang Kuh telah melihat iklan tersebut dan menghantar mesej kepada Cik Ree Yak pada 4 Mei untuk menyatakan yang beliau inginkan servis berkenaan pada 11 Mei 2017. Cik Ree Yak menghantar satu pesanan mesej pada 5 Mei memberitahu yang beliau sangat berbesar hati untuk memberikan servis audit berkenaan.

Walaubagaimanapun, Cik Ang Kuh hanya membaca pesanan tersebut pada 11 Mei 2017 disebabkan oleh telefonnya yang rosak.

Namun, pada 9 Mei 2017, Cik Ree Yak telahpun menghantar satu faks yang berbunyi:

"Cik Ang Kuh, saya tidak dapat memberikan servis audit pada harga RM2000 disebabkan oleh jadual saya yang penuh pada 11 Mei 2017. Hubungi saya untuk harga asal pada bulan hadapan."

Nasihatkan Cik Ang Kuh.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Joned memiliki sebuah pasu bunga antik yang diwarisi sejak turun temurun oleh nenek moyangnya. Pada suatu jamuan Krismas, Fai Fong telah melihat pasu berkenaan dan ingin membeli pasu tersebut. Beliau yakin pasu tersebut mempunyai nilai yang tinggi. Fai Fong menawarkan harga RM100000 untuk membeli pasu tersebut kepada Joned dan Joned bersetuju untuk menghantarnya dalam tempoh sebulan.

Dua minggu kemudian, Joned memberitahu Fai Fong yang beliau tidak akan menjualkan pasu tersebut. Fai Fong sangat kecewa dan ingin meminta nasihat anda.

Nasihatkan Fai Fong berkenaan remedy yang sesuai bagi perlanggaran kontrak tersebut.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

